

*mode***KECUAIAAN LAZIM
YANG DILAKUKAN
IBU BAPA**➤ Membawa anak-anak ke tempat
bahaya, cuaca panas, sibuk (pesta
jualan, tempat hiburan, pasar malam).➤ Memberi makan dan minum
secara kasar sehingga
kanak-kanak tersedak.➤ Membiarkan anak
bermain tanpa
pengawasan.*Info***FAHAMI TINGKAH LAKU
ANAK ANDA**

■ Pada usia 0-2 tahun, kanak-kanak
suka mengutip dan memasukkan apa
sahaja ke dalam mulut.

- Gemar menangis sebagai cara
ekspresi kemahuan kerana tidak
pandai bercakap.

■ Pada usia 2 tahun, kanak-kanak
akan menjadi sangat aktif, suka
mencuba, memegang, berlari dan
memanjat.

- Selalu ibu bapa salah faham
tindakan itu sebagai nakal dan pada
usia ini kanak-kanak mudah dipukul
atau didera.

Kanak-kanak maut: Cuai atau kemalangan?

Ramai ibu bapa tiada ilmu keibubapaan

um
7/5/2015
mls 8-9

■ Pada tahun seterusnya, keseimbangan mereka telah stabil dan gemar mengasah potensi mereka seperti menari, menyanyi, melukis, bermain dan bercakap.

- Ketika ini, respon ibu bapa penting bagi menentukan potensi mereka terus berkembang atau terbantut.

- Ibu bapa yang tiada ilmu menganggap anak yang aktif adalah anak yang buas, nakal, suka bersepeh, suka melawan.

- Ibu bapa yang bijak mencari jalan mengasah potensi anak dengan memberi peluang meneroka seperti memberi mereka pensel dan kertas untuk diconteng dan memuji lukisan.

■ Ketika usia kecil, mereka mudah mempelajari benda baharu seperti bersolat, mengenal huruf, menghafal ayat-ayat al-Quran, menyanyi lagu patriotik.

- Ibu bapa perlu sentiasa melibatkan kanak-kanak dan memberi pendedahan dalam suasana positif.

■ Personaliti kanak-kanak terbentuk pada enam tahun pertama

- Penting untuk ibu bapa dan pengasuh menerapkan nilai-nilai positif agar dapat membentuk keperibadian yang baik.

■ Kenal keupayaan kanak-kanak pada peringkat awal

- Ibu bapa perlu peka terhadap perkembangan kanak-kanak sama ada normal atau mengalami kelainan upaya seperti masalah pembelajaran, kondisi-kondisi cenderung mental, masalah penglihatan, pendengaran, percakapan, tulang atau saraf.

- Pengesanan awal membolehkan kanak-kanak membesar dalam keadaan positif dan mendapat sokongan ahli keluarga.

Oleh **SITI AIRUNNISA ALAUI**
airunnisa.alau@yahoo.com.my



TERSEDAK susu, terjatuh dari bangunan, lemas, pencabulan dan penderaan antara insiden yang bukan sahaja boleh menyebabkan kanak-kanak maut, bahkan yang lebih membimbangkan mampu 'membunuh' jiwa dan kehidupan mereka sepanjang hayat.

Kejadian-kejadian seumpama itu dilihat sangat membimbangkan di negara ini memandangkan setiap hari ada sahaja kes-kes sebegitu berlaku seolah-olah tiada kaedah atau undang-undang yang mampu menangani kes berkenaan sehinggakan golongan kanak-kanak dilihat tidak



DR. ZURIA MAHMUD

MEMBAWA anak kecil menunggang motosikal tanpa memakai topi keledar juga adalah satu kesalahan yang boleh mengakibatkan kecederaan kepada anak.
- GAMBAR HIASAN



mendapat pembelaan.

Mungkin tindakan ibu bapa meninggalkan anak di dalam kereta untuk seketika, tidak memakaikan anak dengan topi keledar ketika menunggang motosikal, memandu sambil meriba anak, menyuruh anak kecil menjaga adik yang masih bayi atau membelikan mercun untuk anak dilihat perkara remeh.

Namun sedarlah kita berapa banyak kejadian yang dianggap remeh itu akhirnya membawa kepada kematian kanak-kanak?

Jika itu berlaku, siapa yang harus dipersalahkan? Adakah ibu bapa atau pengasuh boleh dikenakan tindakan atau sebenarnya tiada satu pun undang-undang yang boleh diambil terhadap mereka memandangkan jarang sekali kedengaran golongan itu dibawa ke muka pengadilan kerana disabitkan kesalahan walaupun

kemalangan yang berlaku akibat kecuaiannya mereka.

Namun, apa yang jelas, kejadian itu bermula ekoran kekurangan ilmu kemahiran keibubapaan yang dilihat merupakan punca utama mengapa kejadian seumpama itu boleh berlaku.

Mengupas isu itu, Ketua Jabatan Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), **Prof. Dr. Zuria Mahmud** berkata, sikap ibu bapa pada zaman ini yang terlalu mengambil mudah semua perkara kerana terlalu mengejar kebendaan serta tidak kurang pula yang masih melalui fasa desakan hidup menjadikan golongan kanak-kanak sebagai mangsa keadaan.

Jelas beliau, ibu bapa di negara ini masih kurang ilmu pendidikan kanak-kanak, selain tidak memberi perhatian serius kepada keselamatan kanak-kanak kerana menyifatkan ilmu pendidikan itu adalah proses *try and error* tanpa cuba untuk mencari ilmu yang sepatutnya daripada mereka yang layak.

"Kemalangan yang berlaku dalam kalangan kanak-kanak boleh berlaku atas banyak faktor tetapi paling merugikan adalah disebabkan kecuaiannya kerana berpunca daripada kekurangan ilmu pendidikan awal kanak-kanak yang memberi kesan negatif kepada mereka dalam pelbagai aspek seperti fizikal, emosi, sosial dan intelektual. "Jika mereka tidak maut, mungkin

Apa kata mereka

"TINDAKAN kemalangan yang mengakibatkan kanak-kanak maut akibat kecuaiannya ibu bapa atau penjaga perlu dikenakan hukuman yang setimpal kerana mengambil mudah perkara seumpama itu seolah-olah nyawa kanak-kanak itu tidak penting".

KHAFIDZ KHALIDI,
Jurujual

"KECUAIAN remeh yang dilakukan ibu bapa sehingga menyebabkan anak mereka kemalangan tidak boleh diterima akal. Seharusnya ada satu akta yang lebih kukuh agar pesalah ini dikenakan hukuman yang boleh memberi pengajaran kepada semua".

SITI NURULAIN ALWI,
Suri rumah

akan koma atau cacat, bahkan sesetengah kanak-kanak akan menderita secara emosi, membesar sebagai individu yang sentiasa ketakutan, mengalami kemurungan serta memberikan kesan buruk kepada proses tumbesaran serta pencapaian akademik mereka.

"Seharusnya dalam soal menjaga anak-anak, ibu bapa tidak boleh hanya 'cuba-cuba' tetapi perlu pasti apa yang dilakukan kerana anak adalah amanah dan mereka seharusnya dijaga dengan sebaik mungkin," jelasnya.

Dalam pada itu, beliau memberitahu, faktor sesetengah pengasuh atau pusat asuhan yang tidak dilengkapi dengan latihan pendidikan awal kanak-kanak juga menjadi faktor kemalangan dalam kalangan kanak-kanak mudah berlaku.

Malah, sikap ibu bapa yang lebih gemar melepaskan semua

➤ Membiarkan anak bermain benda yang tajam, panas, air dalam baldi besar di bilik air, memanjat almari yang tidak stabil.

➤ Ibu bapa yang leka bersembang, leka bermain telefon, leka membeli-belah.

➤ Meninggalkan anak dengan orang yang tidak dikenali, orang yang membahayakan atau kepada abang atau kakak yang masih kecil untuk menjaganya.

mode

KES kanak-kanak terjatuh dari koridor atau tingkat atas bangunan juga sering berlaku akibat kecuaiannya ibu bapa atau penjaga. - **GAMBAR HIASAN**

Sukar ambil tindakan ibu bapa cuai?

PADA Jun tahun lalu, negara dikejutkan dengan penemuan seorang kanak-kanak lelaki kurang upaya yang menghidap cerebral palsy, Muhammad Firdaus Dullah, 15, dalam keadaan menyayat hati apabila ditinggalkan ibu sendiri sehingga kebuluran.

Kejadian berkenaan mendapat liputan meluas sehingga membawa kepada penahanan ibu kanak-kanak itu yang akhirnya mengaku bersalah terhadap pengabaian yang dilakukan. Ekoran itu wanita berkenaan telah disabitkan kesalahan dan dihukum penjara empat bulan dan denda RM10,000 oleh Mahkamah Sesyen Seremban, Negeri Sembilan, November tahun lalu.

Itu antara kes pendakwaan yang dilaporkan media akibat kelalaian ibu bapa menjaga anak-anak yang

2001 yang sedia ada sudah cukup untuk membendung kejadian kemalangan dalam kalangan kanak-kanak, namun faktor kelemahan penguatkuasaan untuk mendakwa ibu bapa menjadi penghalang akta itu dilihat berkesan.

Jelas beliau, bagi melicinkan proses pendakwaan, satu penyiasatan terperinci perlu dilakukan pihak penguat kuasa untuk menentukan sama ada kes-kes yang berlaku cukup bukti untuk dihadapkan ke mahkamah, jika tidak ia hanya membuang masa.

Tidak cukup dengan penyiasatan terperinci, bukti juga perlu kukuh agar pendakwaan tidak lemah selain saat paling sukar apabila berlakunya konflik jiwa penguat kuasa yang bertugas antara amanah kerja dengan rasa simpati pada ibu bapa kanak-kanak yang juga masih bersedih dengan kehilangan anak mereka.

BERITA mengenai kes-kes kecuaiannya ibu bapa yang terlupa anak mereka dalam kereta sehingga membawa kemudaratan juga banyak dipaparkan media. - **GAMBAR HIASAN**

Apakah yang dimahukan adalah tindakan yang dikenakan itu mampu memberi pengajaran kepada ibu bapa lain agar lebih peka dengan tanggungjawab yang diberikan kepada mereka dan tidak hanya boleh menyalahkan takdir apabila sesuatu

tanggungjawab kepada pengasuh atau pihak taska juga menjadi antara punca mengapa kanak-kanak diabaikan sama ada melibatkan perkara sekecil-kecilnya seperti pemberian makanan kepada kanak-kanak sehinggalah soal keselamatan.

Tambah beliau, rata-rata pengasuh persendirian di kawasan-kawasan penempatan tidak mempunyai kelayakan untuk menguruskan kanak-kanak, namun menjadikan pengalaman sendiri sebagai tanda aras kemampuan mereka sedangkan sikap dan perangai kanak-kanak berbeza antara satu sama lain.

“Lazimnya, pusat asuhan tidak mempunyai satu prosedur operasi standard (SOP) yang jelas dan ketat berkaitan pengurusan kanak-kanak, manakala pengasuh pula tidak mempunyai latihan yang cukup serta tidak diketahui latar belakang kesihatannya seperti mempunyai penyakit mental yang boleh mendorong kepada berlakunya kes penderaan dan pembunuhan tanpa sedar,” ujarnya.

Pun begitu, kemalangan suatu perkara yang sukar dielakkan, namun sikap cuai dan lalai dalam menjalankan tanggungjawab masih boleh diperbaiki jika ibu bapa itu benar-benar menyayangi anak-anak mereka.

“Kanak-kanak mempunyai tingkah laku yang tertentu dalam proses tumbesaran dan sentiasa berubah mengikut umur, bagaimanapun menjadi tanggungjawab ibu bapa dan setiap orang dewasa yang menjaga kanak-kanak untuk belajar tentang perkara ini.

“Mereka perlu sentiasa peka kepada perubahan-perubahan yang berlaku kepada kanak-kanak dan sentiasa berusaha untuk memahami dan membantu proses ini dalam membentuk nilai-nilai yang baik dalam diri kanak-kanak dengan cara yang sesuai dengan umur dan keupayaan mereka,” katanya.

bagi membela kanak-kanak wujud di negara ini.

Pun begitu, bercakap soal tindakan yang dilaporkan sangat sedikit berbanding kes-kes yang berlaku saban hari. Sama ada tidak dilaporkan media atau tindakan undang-undang yang lemah ke atas pesalah sukar dipastikan sehingga kini.

Ini kerana, faktor simpati terhadap ibu bapa yang telah kehilangan anak, penguatkuasaan lemah, bukti tidak kukuh serta persepsi masyarakat antara cabaran mengapa sukar untuk pihak berwajib mengambil tindakan ke atas ibu bapa yang cuai menjaga anak mereka sehingga menyebabkan kematian.

Mengulas perkara itu, Pensyarah Kanan Fakulti Undang-Undang Universiti Malaya, **Dr. Farah Nini Dusuki** berkata, bukan mudah untuk mendakwa ibu bapa yang menyebabkan kematian anak sendiri atas faktor cuai kerana tiada garis pengukur yang diperuntukkan mahkamah tentang perkara itu.

Tidak menafikan Akta Kanak-kanak




DR. FARAH NINI DUSUKI

di bawah Akta Kanak-kanak 2001 telah cukup dan tidak perlu ditambah lagi cuma apa yang perlu dilakukan adalah memperbaiki kelemahan penguatkuasaan. Ini kerana, kegagalan penguatkuasaan menjadikan kes-kes seperti ini tidak dapat dibuktikan sekali gus menggagalkan pendakwaan.

“Namun faktor simpati terhadap ibu bapa juga memberi kesan dalam penguatkuasaan undang-undang kanak-kanak memandangkan jika ibu bapa itu memiliki anak-anak lain sudah pasti akan menjejaskan institusi kekeluargaan mereka.

“Sebab itu, saya kata tidak mudah untuk melaksanakan undang-undang itu, pun begitu, perlu ada satu kaedah bagaimana dapat membela kanak-kanak agar tidak menjadi mangsa kecuaiannya ibu bapa sendiri,” jelasnya.

Pun begitu, timbul juga persoalan adakah tindakan penguatkuasaan mampu mencegah kejadian-kejadian kemalangan yang disebabkan kecuaiannya ibu bapa? Jika hanya sekadar menjadi muka depan akhbar sahaja, sudah pasti tindakan undang-undang itu tidak berjaya.



WILLIAM YAU ZHEN ZONG, 6, yang dilaporkan hilang selepas ditinggalkan ibu bapa bersama adik-beradiknya di dalam kereta ketika membeli barangan elektrik selama 10 minit, mayatnya ditemui di Pelabuhan Klang, lebih seminggu selepas kehilangannya.

keadilan diarak berlaku.”
Jelas Farah Nini, tindakan undang-undang haruslah menjadi pilihan terakhir yang dikenakan kepada ibu bapa jika kejadian yang berlaku tidak berkait dengan soal jenayah, jika sebaliknya tindakan undang-undang harus menjadi pilihan pertama agar mereka terlibat insaf.

“Jika kes berkaitan kemalangan maut yang disebabkan sikap cuai yang ada kalanya sukar ditafsirkan sebagai cuai secara tidak sedar atau benar-benar cuai, adalah tidak adil untuk menghukum ibu bapa itu, tetapi jika melibatkan kes jenayah seperti cabul atau sumbang mahram, tindakan tegas perlu diambil,” katanya.

Ditanya adakah wujud seksyen yang boleh dikenakan ke atas ibu bapa yang cuai di bawah Akta Kanak-kanak 2001, jelas beliau yang aktif dalam pertubuhan bukan kerajaan (NGO), Suara Kanak-kanak (Voice of Children) itu, Seksyen 33 di bawah akta itu adalah untuk menangani masalah kecuaiannya ibu bapa dalam menjaga anak-anak.

Tambah beliau, seksyen 33 Akta Kanak-kanak 2001 memperuntukkan yang mana seseorang ibu, bapa atau penjaga yang didapati meninggalkan kanak-kanak tanpa mengadakan persediaan bagi pengawasan yang berpatutan dan selama tempoh tidak berpatutan atau dalam keadaan yang tidak berpatutan mereka dianggap melakukan suatu kesalahan.

Jika disabitkan boleh didenda tidak melebihi RM5,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

“Seksyen ini yang boleh diguna pakai bagi kes yang mengakibatkan kejadian tidak diinginkan seperti kemalangan di rumah, kanak-kanak hilang dan sebagainya. Peruntukan ini bukan untuk menghukum tetapi lebih kepada bentuk pencegahan bagi memastikan ibu bapa lebih bertanggungjawab,” ujarnya.

Dalam menentukan siapa yang bersalah atau tindakan apa yang perlu dikenakan terhadap ibu bapa yang cuai sehingga menyebabkan kematian kanak-kanak, sukar untuk diperjelaskan.

Namun percayalah, rasa sakit dan sesal kerana mengabaikan anak-anak sehingga mereka ditimpa kemalangan yang akhirnya meragut nyawa insan kecil itu adalah hukuman yang paling berat terpaksa ditanggung ibu bapa sepanjang hayat mereka.